

ES10170017

10 July 2020

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan semula RSPO ke atas Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai

Sime Darby Plantation Berhad memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampam Malaysia National Interpretation of the RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 (MYNI 2019).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampam serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampam yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai.

Berikut adalah maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai (No. Keahlian: 1-0008-04-000-00 / No. ID RSPO: RSPO_PO1000000064) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.:

Sime Darby Plantation Berhad telah memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan RSPO bagi 10 daripada 67 unit pensijilan.

Sime Darby Plantation Berhad memiliki 237 ladang kelapa sawit dan 67 buah kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak di Malaysia dan di Kalimantan, Sumatera & Sulawesi di Indonesia. Pada masa ini, Sime Darby Plantation Berhad menyelia ladang adalah 312,578 hektar di Malaysia, 202,936 hektar di Indonesia dan 105,930 hektar di Papua New Guinea and Solomon Islands. Sime Darby Plantation Berhad juga membeli buah tandan segar dari pekebun kecil sekitarnya.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122006 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03
ISO/TS 22005:2013 FMS 23122008 CB 01
MS ISO/IEC 17021:2011 TMC 03122009 CB 02
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EAMS 03012014 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 AUSMS 20062015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 06102015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPQ 29072017 CB 05
ISO/IEC 17024:2012 PS 06032017 CB 03



MS ISO/IEC 17025
CALIBRATION / TESTING
SAMM NO. 085 SAMM NO. 086
SAMM NO. 087 SAMM NO. 219
SAMM NO. 735 SAMM NO. 240
SAMM NO. 734 SAMM NO. 377



MS ISO/IEC 17020
MIBAS NO. 003



074



Selain daripada ladang dan operasi kilang, Sime Darby Plantation Berhad juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti hiliran termasuk penapisan minyak, pengeluaran produk minyak dan lemak, oleokimia dan biodiesel di empat belas buah negara.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan audit penilaian semula Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai bermula dari 10 Ogos 2020 sehingga 14 Ogos 2020. Malaysia National Interpretation 2019 of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai terletak di Tawau, Sabah, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Zulfakar Kamaruzaman	Ketua Juruaudit / Isu Sosial Isu HCV dan Isu 'Supply Chain'	- Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia - Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berjaya menamatkan kursus "RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification 2016"
Mohd Ab Raouf Asis	Juruaudit / Isu Sosial, Isu Amalan Pertanian Baik	- Memiliki Ijazah Pengeluaran dan Operasi (Kepujian) – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. - Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.
Rozaimie Rahman Ab	Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Isu 'TBP' dan Isu GHG	- Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia. - Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia. - Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit. - Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit

		untuk EMS. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. • Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016).
--	--	--

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
 Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,
 No. 1, Persiaran Dato' Menteri,
 40700 Shah Alam, Selangor,
 Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448

Faks : +603 5544 6763

Email : kamini@sirim.my

atau

Madam Shyalaja Devi Vasudevan

Ketua Pengurus - Sustainability

Sime Darby Plantation Berhad,
 GSQM Department,
 Level 3A, Main Block,
 Jalan PJU 1A/7,
 47301, Ara Damansara,
 Selangor,
 Malaysia.

Telephone : +603-7848 4379

Fax : -

Email : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMINI A/P SOORIAMORTHY)

Ketua Seksyen,
 Makanan, Pertanian & Perhutanan
 Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 30, Merotai

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
	(MT/Jam)	Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Kilang Sawit Merotai	90	91007, Tawau, Sabah, Malaysia	117° 83' E	4° 23'N	73,491.53	15,883.87
LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Merotai Estet	91007, Tawau, Sabah, Malaysia	4° 42' 03" N	117° 47' E	3,104.62	2,389.53	68,059
Tiger Estet	91007, Tawau, Sabah, Malaysia	4° 25'N	117° 50' E	2,497.86	1,899.54	52,402
Table Estet	91007, Tawau, Sabah, Malaysia	4° 22'N	117° 52' E	2075.87	2,071.76	45,842
Imam Estet	91007, Tawau, Sabah, Malaysia	4° 20'N	117° 50' E	3768.96	2,473.77	65,630
Jumlah				11,447.31	8,834.60	231,933.00